



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**23 Ogos 2023
6 Safar 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• 13 jam 'sabung nyawa' berpaut unjam buluh
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• 13 jam paut unjam buluh di sempadan
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Nelayan hanyut hingga ke Thailand
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Nelayan berpaut 16 jam pada unjam buluh
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Unjam buluh jadi penyelamat
The Star (Metro)	<ul style="list-style-type: none">• <i>Bank employees help restore coral reefs in Tioman</i>
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	29	23/4/2023

13 jam 'sabung nyawa' berpaut unjam buluh

Oleh **ROHANA MOHD. NAWI**
 utusannews@mediamulia.com.my

BACHOK: Unjam buluh menjadi penyelamat tiga nelayan termasuk dua beranak selepas bot yang dinaiki mereka kehabisan minyak sebelum dipukul angin kuat dan kemudian hanyut sehingga memasuki perairan Thailand semalam.

Mangsa Rohaimi Ahmad, 47, berkata, kejadian kira-kira pukul 3 petang itu berlaku ketika dia bersama anak lelakinya, Nik Mohd. Syafiq Abdul Hafiz, 21, dan rakan, Amir Zulfikar Che Will, 29, sedang memukat ikan sebelum bot yang dinaiki mereka kehabisan minyak.

Menurutnya, cuaca tidak menentu disusuli angin kuat menyebabkan bot mereka hanyut walaupun sebelum itu telah berusaha melemparkan sauh namun gagal.

"Sehinggalah kami terjumpa satu unjam buluh dan membuat keputusan mengikat bot di kawasan tersebut. Kami bergantung pada unjam itu bermula pukul 8 malam hingga 9 pagi keesokan harinya. Sepanjang berada di situ, kami tidak putus-putus berdoa dan bertawakal kepada Allah semoga keajaiban berlaku.

"Alhamdulillah, nasib menyebelahi kami apabila sebuah bot milik warga Thailand yang melalui kawasan itu telah berhenti dan memberi bekalan 10



ANGGOTA Maritim Malaysia Kelantan mengiringi bot dinaiki Rohaimi Ahmad bersama anak dan rakannya sehingga ke Jeti LKIM Kuala Kemasin, semalam. - UTUSAN/KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN

liter minyak diesel. Saya kemudian menghidupkan semula enjin bot saya," katanya ketika ditemui sebaik sahaja tiba di jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Kemasin, di sini semalam.

Rohaimi memberitahu, selepas itu dia terus bergerak ke arah sebuah kampung di Tak Bai, Thailand untuk mencari kawasan daratan sebelum kehabisan minyak buat kali kedua.

Katanya, sejeurus tiba di Tak Bai dia terus meminta penduduk kampung menghubungi pihak

berkuasa Thailand untuk mendapatkan bantuan bagi membawa mereka pulang ke Malaysia.

"Alhamdulillah, hasil bantuan dari pihak berkuasa Thailand, kami selamat tiba di jeti Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor, kira-kira pukul 7 petang, semalam dan bermalam di situ.

"Pada pukul 7.30 pagi saya bertolak balik ke Kuala Kemasin sambil diiringi oleh bot Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	18	23/8/2023

13 jam paut unjam buluh di sempadan

Tiga nelayan hilang ketika pukat ikan Ahad lalu ditemui selamat

Oleh Nor Amalina Alias
bnnews@bh.com.my

Bachok: Unjam buluh milik pengusaha Thailand menjadi penyelamat kepada tiga nelayan yang hanyut ketika memukat ikan di perairan Kemasin di sini.

Nelayan, Rohaimi Ahmad, 47, dan anak, Nik Muhammad Syafiqullah, 21, serta Muhammad Amir Zulfiqar Che Wil, 29, selamat tiba di jeti Kuala Kemasin, jam 11 pagi semalam.

Rohaimi berkata, ketika kejadian dia memukat ikan di lokasi biasa mereka pergi sebelum menyedari bot yang dinaiki kehilangan minyak kira-kira jam 3 petang.

Katanya, mereka cuba melambungkan sauh ke laut, namun tetap hanyut sehingga terpaksa satu unjam untuk berpaut.

"Angin ketika itu kuat dan selepas beberapa lama perahu hanyut, kami terdampar unjam bu-

luh yang 'pelik' dan buat keputusan untuk ikat bot pada unjam ini.

"Selepas diteliti rupanya unjam itu menunjukkan kami sudah berada di sempadan Thailand," katanya ketika ditemui di Jeti Kuala Kemasin, di sini, semalam.

Rohaimi berkata, mereka bergantung pada unjam buluh itu dari jam 8 malam hingga jam 9 pagi keesokannya (Isnin) sebelum ada sebuah bot melalui kawasan itu dan membantu memberikan 10 liter minyak diesel untuk perahu mereka.

Katanya, sebaik bot kembali hidup, mereka terus mencari daratan terdekat dan mendarat di Pantai Belawan, Takbai.

"Penduduk di situ sangat membantu kami, sehingga berjaya hubungi penyelamat di Malaysia," kata bapa kepada sembilan anak ini.

Tetap turun ke laut

Muhammad Amir pula berkata, sepanjang 13 jam berpaut pada unjam buluh, mereka hanya bertawakal kepada Allah selepas tiada bot melalui kawasan mereka.

Katanya, dia hanya mampu melaut meminta tolong sehingga kehabisan suara.

"Cuaca memang berjerebu dan kami tak nampak apa-apa jalan, hanya berserah bot hanyut. Na-



Bot PERKASA Maritim Malaysia mengiringi perahu digunakan tiga nelayan, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



Rohaimi bersama anak dan Nik Sulliana, selepas tiba di jeti Kuala Kemasin, semalam. Gambar kecil Nik Muhammad Syafiqullah (kiri) dan Muhammad Amir Zulfiqar. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

mun, kejadian ini tidak melemahkan semangat saya sebagai nelayan sejak usia 12 tahun," katanya yang tetap mahu turun ke laut, hari ini.

Isteri Rohaimi, Nik Sulliana Bikri Kama, 41, berkata dia bersyukur apabila mengetahui suami dan anak sulungnya terselamat.

Katanya, dia mengetahui mereka terselamat dan berada di Thailand, kira-kira jam 2 petang daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

Ketiga-tiga nelayan itu terselamat selepas hilang ketika memukat ikan selepas turun jam 3 pagi pada Ahad dan terputus hubungan sehingga jam 10 malam kelmarin.

Operasi carilamat (SAR) mangsa disertai Maritim Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Perikanan dan nelayan tempatan.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	5	23/8/2023



BOT Maritim Malaysia mengiringi bot dinaiki tiga nelayan tempatan selamat tiba di Jeti Kuala Kemasin, semalam. - Gambar NSTP NIK ABDULLAH NIK OMAR

ROHAIMI (tengah) dan Muhammad Amir (kanan) dan Nik Muhammad Syaifurrahman.

Nelayan hanyut hingga ke Thailand

Unjang buluh jadi penyelamat selepas bot dinaiki habis minyak

Oleh Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my

Unjang buluh milik nelayan Thailand menjadi penyelamat kepada tiga nelayan selepas bot dinaiki mereka habis minyak ketika memukat ikan di perairan Kemasin, di sini, kelmarin.

Rohaimi Ahmad, 47, dan anak, Nik Muhammad Syaifurrahman, 21, serta Muhammad Amir Zulfikar the Wil, 29, selamat tiba di Jeti Kuala Kemasin jam 11 pagi semalam.

Rohaimi berkata, ketika kejadian dia memukat ikan di lokasi biasa mereka pergi sebelum menyedari perahu sekeci yang dinaiki habis minyak kira-kira jam 3 petang.

Katanya, mereka cuba

melempar sauh ke dalam laut, namun tetap hanyut sehingga terjumpa unjang buluh untuk berpaut.

"Keadaan cuaca ketika itu angin kuat, selepas beberapa lama perahu hanyut kami ternampak unjang buluh yang pelik. Untuk mengelakkan terus hanyut, kami buat keputusan untuk ikat bot pada unjang ini."

"Selepas diteliti rupanya unjang itu menunjukkan kami dah berada di sempadan Thailand," katanya ketika ditemui di Jeti Kuala Kemasin, di sini, semalam.

Rohaimi berkata, mereka bergantung pada unjang buluh itu daripada jam 8 malam hingga jam 9 pagi keesokan hari (Isnin) sebelum ada bot melalui kawasan itu dan membantu memberikan 10 liter minyak diesel untuk perahu mereka.

Keadaan cuaca ketika itu angin kuat, selepas beberapa lama perahu hanyut kami ternampak unjang buluh yang pelik. Untuk mengelakkan terus hanyut, kami buat keputusan untuk ikat bot pada unjang ini"

berkata, sepanjang 13 jam berpaut pada unjang buluh, mereka hanya bertawakal kepada Allah SWT selepas tiada bot melalui kawasan mereka.

"Saya hanya mampu melaung meminta tolong sehingga kehabisan suara."

"Cuaca memang berjerembu dan kami tak nampak apa-apa dan hanya bersedih bot hanyut. Namun kejadian ini tidak melemahkan semangat saya sebagai nelayan sejak usia 12 tahun," katanya.

Isteri Rohaimi, Nik Suliana Bikri Kama, 41, berkata, dia bersyukur apabila mengetahui suami dan anak sulungnya terselamat dalam kejadian.

Katanya, dia mengetahui mereka terselamat dan berada di Thailand kira-kira jam 2 petang daripada pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

Rohaimi

Katanya, sebaik bot kembali hidup, mereka terus mencari daratan terdekat dan mendarat di Pantai Belawan, Takbai.

"Penduduk di situ sangat membantu kami, sehingga berjaya hubungi penyelamat di Malaysia, kata bapa kepada sembilan anak ini."

Muhammad Amir pula

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL	16	23/8/2023

Nelayan berpaut 16 jam pada unjam buluh

BACHOK – Tiga nelayan berpaut selama 16 jam pada unjam buluh selepas bot yang dinaiki mereka ketika keluar memukat ikan di perairan Pantai Kemasin di sini kehabisan minyak sebelum hanyut memasuki perairan Thailand, Ahad lalu.

Mangsa, Rohaimi Ahmad, 47, berkata, kejadian kira-kira pukul 3 petang itu berlaku ketika dia bersama anak tiri lelakinya, Nik Mohd. Syafiq Abdul Hafiz, 21, dan rakan, Amir Zulfikar Che Will, 29, sedang memukat ikan sebelum bot mereka kehabisan bekalan diesel.

Menurutnya, cuaca yang tidak menentu dan angin kuat punca bot mereka hanyut walaupun sudah melemparkan sauh ke laut.

“Bot tersebut hanyut selama dua jam sebelum kami terjumpa satu unjam buluh dan ikat bot di kawasan tersebut. Kami bergantung pada unjam itu bermula pukul 5 petang hingga 9 pagi keesokan harinya (kelmarin). Sepanjang berada di situ, kami tidak putus-putus berdoa semoga keajaiban berlaku.

“Alhamdulillah, nasib menyebelahi kami apabila sebuah bot milik warga Thailand yang

3 nelayan ditemui selamat di perairan Thailand

BACHOK – Tiga nelayan, termasuk anak tiri lelakinya, Nik Mohd. Syafiq Abdul Hafiz, 21, dan rakan, Amir Zulfikar Che Will, 29, ditemui selamat di perairan Thailand, Ahad lalu, selepas berpaut selama 16 jam pada unjam buluh. Mereka ditemui oleh bot milik warga Thailand yang datang membantu mereka.

KERATAN Kosmo! semalam.

lalu kawasan itu berhenti dan beri bekalan minyak diesel sebanyak 10 liter minyak diesel,” katanya ketika ditemui pemberita di jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kuala Kemasin di sini, semalam.

Rohaimi memberitahu, selepas itu, dia terus bergerak ke arah sebuah kampung di Tak Bai, Thailand untuk mencari kawasan daratan sebelum bot tersebut kehabisan minyak buat kali kedua.

Katanya, semasa di Tak Bai, dia meminta penduduk kampung hubungi pihak berkuasa Thailand untuk bawa mereka pulang ke Malaysia.

“Alhamdulillah, hasil bantuan daripada pihak berkuasa Thailand, kami selamat tiba di jeti Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga Pengkalan Kubor, kira-kira pukul 7 petang semalam (kelmarin).

Syukur Maritim Malaysia bawa kami pulang dengan selamat,” jelasnya.



BOT yang dinaiki ketiga-tiga nelayan tiba di jeti LKIM Kuala Kemasin, Bachok semalam. – KAMARUL BISMIL KAMARUZZAMAN

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	27	23/4/2023

Unjam buluh jadi penyelamat

Tiga nelayan hanyut 13 jam di laut, ikat bot pada unjam buluh milik nelayan Thailand

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN BACHOK



Tiga nelayan yang hilang ketika memukat ikan di Kuala Kemasin, Bachok pada Ahad ditemukan selamat di Pantai Belawan, Tak Bai di Thailand selepas hanyut 13 jam.



Rohaimi (dua dari kiri) dan Nik Muhammad Syafiqullah (kiri) disambut oleh ahli keluarga selepas selamat tiba di Jeti LKIM Kuala Kemasin, Bachok pada Isnin.

Unjam buluh menjadi penyelamat tiga nelayan termasuk dua beranak sepanjang 13 jam hanyut di perairan Thailand pada Ahad. Menceritakan Kembali detik cemas itu, Rohaimi Ahmad, 47, berkata, ketika kejadian, dia bersama anak, Nik Muhammad Syafiqullah, 21, dan rakan, Muhammad Amir Zulfikar Che Wil, 29, sedang memukat ikan sebelum bot yang dinaiki mereka kehabisan minyak. "Pada hari kejadian, kami memukat ikan di lokasi biasa sebelum menyedar bot yang dinaiki kehabisan minyak sekitar jam 3 petang. Kami cuba melempar saun ke dalam laut namun gagal sehingga bot dihanyutkan selepas dipukul angin kuat," kata-

nya yang tiba dengan selamat bersama anak dan rakan di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Kemasin, di sini jam 11 pagi, Selasa. Rohaimi yang mempunyai pengalaman selama 20 tahun sebagai nelayan berkata, bot dinaiki telah dihanyutkan angin kuat dari lokasi tempat mencari ikan sehingga mereka terjumpa satu unjam buluh. "Kami mengambil keputusan untuk mengikat bot pada unjam

buluh tersebut," kata lelaki itu. Tambahnya, mereka bergantung pada unjam buluh berkenaan dari jam 8 malam hingga 9 pagi keesokan hari (Isnin) sebelum sebuah bot melalui kawasan tersebut dan membantu memberikan 10 liter minyak diesel. "Sebaik bot kembali hidup, kami terus mencari daratan terdekat dan mendarat di Pantai Belawan, Tak Bai serta meminta bantuan daripada penduduk di

situ untuk menghubungi penyelamat di Malaysia. "Alhamdulillah, penduduk di sana semuanya baik. Terima kasih kepada semua pihak yang membantu membawa kami pulang dengan selamat," ujarnya. *Sinar Harian* pada Isnin melaporkan, tiga nelayan yang dikhuatir hilang berjaya ditemukan di Pantai Belawan, Tak Bai di Thailand pada jam 2.32 petang yang terletak 10 kilometer (km) dari perairan Malaysia.

Sementara itu, Muhammad Amir pula berkata, mereka hanya bertawakal kepada ALLAH selepas tiada bot melalui kawasan itu dan dia hanya mampu melauting meminta tolong sehingga kehabisan suara. "Cuaca memang berjerembu dan kami tak nampak apa-apa dan hanya berserah bot hanyut. Kejadian ini tidak melemahkan semangat saya sebagai nelayan sejak usia 12 tahun," katanya yang mahu turun ke laut esok.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	16	NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			6	23/8/2023

Bank employees help restore coral reefs in Tioman

A TEAM from AmBank supported Reef Check Malaysia (RCM) in their work to rehabilitate coral reefs off Pulau Tioman.

Nine employees planted 200 corals of opportunity, which are living corals that have been dislodged and transplanted to areas lacking coral.

RCM is a non-governmental organisation established in 2007, which is committed to a healthy ocean and bringing all stakeholders together to manage coral reef sustainably.

RCM's field office on Tioman is managed by Cintai Tioman, which is a long-term community programme to protect coral reefs and improve the

livelihoods of the island community.

The end goal is to ensure the sustainable use of the island's natural resources for the benefit of all stakeholders.

AmBank Group corporate communications and marketing head Shazman Shahid said the coral reef planting was one of their sustainability activities to raise environmental awareness among employees.

"AmBank hopes this effort will help to conserve marine biodiversity."

RCM chief programme officer Alvin Chelliah said coral reef rehabilitation takes a lot of time, effort and cost.



A diver planting corals in the waters around Tioman island.

"It is great to have corporations such as AmBank supporting our work to keep protecting the reefs in Tioman," he said.

The AmBank team also deployed 36 coral pots at RCM's reef rehabilitation site in Kampung Tekek.

The corals deployed will be monitored regularly to assess their survival and growth rates.

In addition, the bank employees recycled glass bottles and built coral blocks.

The team will observe and record marine life inhabiting the

site over time.

RCM also has field teams based in Mantanani, Semporna, Redang and Johor islands.

It focuses on training divers and conducting surveys at over 300 locations around Malaysia to monitor coral reef health.